

# Sedia hadapi tindakan agresif nelayan asing

Hm 20/7/2013 Ms: 8

**Kuala Lumpur:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mempertingkatkan kesiapsiagaan penguatkuasaan bagi mengecilkan risiko tindakan agresif bot nelayan asing.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Laksamana Madya Maritim Hamid Mohd Amin berkata, tindakan itu diambil bagi mengelakkan kejadian yang sama seperti di perairan Kuala Terengganu pada 5 Julai lalu berulang.

"Nelayan asing terutamanya dari Vietnam kembali agresif sehingga mendatangkan ancaman bahaya kepada pegawai dan anggota penguat kuasa yang bertugas di laut.

"Berkaitan kejadian seorang pegawai APMM Terengganu parah di kepala akibat ditetak oleh seorang nelayan Vietnam ketika pasukan berkenaan menjalankan operasi di kawasan perairan Kuala Terengganu pada 5 Julai lalu, APMM ingin memaklumkan kami sedang menjalankan siasatan berkaitan insiden berkenaan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa menilai dan mengambil tindakan pengukuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari semasa ke semasa agar penguatkuasaan yang dilaksanakan berkesan seiring dengan perubahan dan ancaman semasa.

Pada 5 Julai lalu, pegawai APMM Terengganu parah di kepala akibat di-



*Nelayan asing terutamanya dari Vietnam kembali agresif sehingga mendatangkan ancaman bahaya kepada pegawai dan anggota penguat kuasa yang bertugas"*

**Hamid**

tetak nelayan warga Vietnam.

Kejadian berlaku ketika Leftenan Muda Maritim Shakir Zufayri Azizul Rahman, 27, bersama pasukannya menjalankan operasi di 148 batu nautika dari Kuala Terengganu, pada jam 11.30 pagi.

Mangsa bersama 18 pegawai dan anggota Kapal Maritim (KM) Gemia ketika itu menahan sebuah bot yang disyaki nelayan asing sedang leka melakukau aktiviti menangkap ikan di kawasan perairan berkenaan.